

26/12/1998

Dr Mahathir ziarahi kakak

ALOR STAR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menziarahi dua kakaknya di Taman Mutiara, Jalan Pegawai ketika singgah di sini sebelum ke Langkawi.

Perdana Menteri yang ditemani isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali meluangkan masa kira-kira 45 minit bermula jam 10 pagi untuk berbual mesra dengan Habsah, 80, dan Rafeah, 86 tahun.

Dr Mahathir dan isteri tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas dekat sini kira-kira jam 9.40 pagi dan disambut Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid dan isteri, Datin Seri Nila Inangda Manyam Keumala.

Turut serta, Ahli Exco, pemimpin Umno dan pegawai kerajaan negeri.

Selepas menziarahi kakaknya, Dr Mahathir meluangkan waktu kira-kira 15 minit melawat Masjid Akar Peluru, Jalan Pegawai.

Perdana Menteri dan isteri berlepas ke Langkawi dengan menaiki pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) kira-kira jam 11.25 pagi. Turut serta ialah Sanusi dan isteri.

(END)